

MAHATHIR - MENANG

KUALA LUMPUR, 12 OKT (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL (BN), YANG MEMENANGI DUA KERUSI PARLIMEN TANPA BERTANDING SETELAH PENAMAAN CALON SEMALAM, YAKIN AKAN MENANG SEKURANG-KURANGNYA DUA PERTIGA KAWASAN PARLIMEN DALAM PILIHAN RAYA UMUM INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA, PARTI-PARTI PEMBANGKANG NAMPAKNYA TIDAK TENTU ARAH DALAM MELETAKKAN CALON MEREKA DAN INI DAPAT DILIHAT APABILA ADA ANTARA MEREKA YANG BERTANDING YANG TIDAK MENGGUNAKAN LAMBANG PARTI SENDIRI.

+KITA YAKIN MENANG SEKURANG-KURANGNYA DUA PERTIGA KERANA NAMPAKNYA KITA LAWAN DENGAN PARTI CACA MERBA... PARTI ROJAK,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGUMUMKAN MANIFESTO PILIHAN RAYA BN BERTEMAKAN +KE ARAH KEAMANAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN MALAYSIA+ DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI HARI INI.

SEBANYAK 178 LAGI KAWASAN PARLIMEN MENJADI REBUTAN PADA PILIHAN RAYA UMUM 20 DAN 21 OKT INI SETELAH DUA KEPUTUSAN DITENTUKAN SEMALAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, MEMBERIKAN CONTOH KEADAAN TIDAK TENTU ARAH CALON-CALON YANG DIKEMUKAKAN OLEH PEMBANGKANG APABILA ADA BEKAS ANGGOTA PAS YANG MENYERTAI HAMIM TETAPI BERTANDING MENGGUNAKAN SIMBOL SEMANGAT 46. -- LAGI.
1059MST 12 10 90

D743

R B767 AAB
MAHATHIR. - MENANG 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MEMPERTAHAKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DI KEDAH, DICABAR OLEH PRESIDEN HAMIM, DATUK SUDIN WAHAB YANG BERTANDING MENGGUNAKAN LAMBANG SEMANGAT 46.

BELIAU JUGA MENYEBUT MENGENAI PARTI BARISAN KEMAJUAN INDIA SE-MALAYSIA (IPF) PIMPINAN ENCIK M.G.PANDITHAN YANG BERTANDING MENGGUNAKAN SIMBOL SEMANGAT 46 DI SESETENGAH TEMPAT DAN LAMBANG DAP DI BEBERAPA TEMPAT LAIN.

+MEREKA HENDAKLAH MENETAPKAN PENDIRIAN JIKA MAHU MENJADI ALTERNATIF KEPADA BARISAN NASIONAL,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TIDAK NAMPAK BAGAIMANA CARANYA GABUNGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG DAPAT MENJADI ALTERNATIF YANG BERKESAN KEPADA BN.

+BELUM APA-APA LAGI MEREKA TIDAK BOLEH DUDUK SEMEJA... BAYANGKAN TENGGU RAZALEIGH (PRESIDEN SEMANGAT 46) MEMPENGERUSIKAN KABINET MEREKA.

+PAS DUDUK DI SATU PIHAK MENGHADAP KE ARAH LAIN MANAKALA DAP DI SEBELAH LAIN MENGHADAP KE ARAH LAIN, + KATANYA.. -- LAGI.
1105MST 12 10 90

D767

R B779 AAB
MAHATHIR - MENANG 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BARISAN PARTI PEMBANGKANG JUGA TIDAK TENTU ARAH DALAM PERJUANGAN MEREKA KERANA MEMPUNYAI BERMACAM-MACAM MANIFESTO

-- TIDAK SEBAGAIMANA BN YANG MENGELUARKAN SATU MANIFESTO SAHAJA.

BELIAU BERKATA, PAS, MISALNYA, CUBA MEMANCING PENGUNDI CINA DENGAN MEMBERITAHU PEMBERITA AKHBAR BERBAHASA CINA KONONNYA MAHU MENGGUGURKAN HASRAT MENUBUHKAN NEGARA ISLAM TETAPI MENAFIKAN PULA KENYATAAN ITU DALAM AKHBAR BERBAHASA MALAYSIA.

MENURUTNYA, DENGAN HANYA MEMPUNYAI SATU MANIFESTO, BN MENUNJUKKAN KEPADA RAKYAT BAHAWA PARTI-PARTI KOMPONENNYA MEMPUNYAI SATU TUJUAN DAN TIDAK ADA KEKELIRUAN DALAM OBJEKTIFNYA APABILA MENUBUHKAN KERAJAAN.

+SAYA YAKIN RAKYAT FAHAM BAHAWA UNTUK MENENTUKAN NEGARA KITA MENCAPAI KEMAJUAN, KITA MESTILAH MEMPUNYAI KEAMANAN, KESTABILAN DAN DENGAN ITU MEMPUNYAI KEMAKMURAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, PAS DAN DAP BERMAIN SANDIWARA DAN BERCAKAP BOHONG KONONNYA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KERJASAMA. -- LAGI.

D769

R B780 AAB
MAHATHIR - MENANG 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, KEDUA-DUA PARTI ITU TIDAK BERANI BERTERUS-TERANG MENGENAI KERJASAMA MEREKA KERANA TIDAK MAHU KEHILANGAN SOKONGAN DARIPADA PENYOKONG MASING-MASING.

KERJASAMA PAS DAN DAP DAPAT DILIHAT DARIPADA PERLETAKAN CALON MASING-MASING KERANA MEREKA TIDAK BERTANDING DI KAWASAN YANG SAMA, KATANYA.

-- BERNAMA.

1157MST 12 10 90